

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG TACK (BENTONG)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG TACK [BENTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini (termasuk kos keseluruhan yang telah digunakan berbanding kos asal serta peratusan kerja yang telah disiapkan) dan perancangan lanjutan untuk projek Pusat Latihan Ketenteraman Awam (PULKA), Simpang Pelangai, Bentong yang telah sekian lama terbengkalai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kos projek terkini bagi pelaksanaan projek pembinaan Pusat Latihan Ketenteraman Awam (PULKA), Simpang Pelangai, Bentong yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 13 Februari 2020 adalah RM204.46 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM121.30 juta telah dibelanjakan sehingga bulan Oktober 2020.

Sehingga kini tiga (3) kontraktor yang dilantik telah ditamatkan kerana gagal menyiapkan projek dalam tempoh kontrak dan peratusan kemajuan projek bagi kontrak ketiga sebelum ditamatkan telah mencapai 83% kemajuan fizikal.

Pada masa kini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Kerja Raya selaku Agensi Pelaksana bagi projek ini sedang dalam proses melantik kontraktor ke-empat di mana iklan tender telah dikeluarkan pada 14 Oktober 2020 dan Surat Setuju Terima dijangka akan dikeluarkan pada bulan Januari 2021.

Pihak KDN ingin menjelaskan bahawa projek ini bukanlah projek terbengkalai tetapi ianya tidak dapat disiapkan sepenuhnya oleh ketiga-tiga kontraktor yang dilantik sebelum ini atas pelbagai faktor antaranya kelemahan pengurusan dan kewangan kontraktor itu sendiri. KDN sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam menyiapkan semua projek-projek pembangunan termasuklah projek ini.